

18 NOV 2000

Umno-mula

PERHIMPUNAN AGUNG KHAS UMNO BERMULA UNTUK PINDA PERLEMBAGAAN

KUALA LUMPUR, 18 Nov (Bernama) -- Perhimpunan Agung Khas Umno selama sehari bermula pada 9.10 pagi ini.

Ia bertujuan membuat beberapa pindaan perlembagaan parti bagi menyuntik pembaharuan ke arah memantapkan lagi parti itu.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku Presiden parti memulakan ucapannya pada 9.15 selepas doa dibacakan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Paduka Dr Abdul Hamid Othman dan nyanyian "Negaraku" dan lagu rasmi Umno oleh perwakilan.

Antara usul yang akan dibahaskan ialah meminda tempoh pemilihan peringkat cawangan kepada tiga tahun sekali berbanding dua tahun ketika ini. Pindaan itu bagi menyelaraskan pemilihan di peringkat cawangan, bahagian dan Majlis Tertinggi diadakan serentak pada tahun yang sama.

Perhimpunan khas hari ini juga akan membahaskan penubuhan Puteri Umno, yang telah dipersetujui oleh MT. Puteri Umno akan ditubuhkan sebagai entiti yang berbeza daripada pergerakan Wanita Umno.

Satu lagi cadangan ialah memberi kelonggaran kepada anggota baru Umno bertanding di peringkat cawangan, bahagian dan MT atau terus dilantik, tanpa perlu menunggu dua hingga tiga tahun seperti yang disyaratkan ketika ini.

Turut dicadangkan ialah penubuhan Lembaga Disiplin Umno bagi menggantikan fungsi Jawatankuasa Disiplin.

Usul itu akan dibentangkan Naib Presiden Umno Tan Sri Muhyiddin Yassin yang juga Pengerusi Jawatankuasa Pindaan Perlembagaan parti.

Ia kemudian dibahas wakil setiap negeri.

-- BERNAMA

RZS MAI